

27 DEC 2001

PM JEPUN LAWAT MALAYSIA BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi akan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia mulai 10 Jan yang merupakan sebahagian lawatannya ke negara-negara Asia Tenggara.

Satu kenyataan daripada bahagian perkhidmatan penerangan Kedutaan Jepun berkata Koizumi yang akan melakukan lawatan pertamanya ke Malaysia selepas mengambilalih jawatan Perdana Menteri kurang daripada setahun yang lepas, akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perdana Menteri Koizumi akan bertemu dengan Dr Mahathir bagi membincangkan pelbagai isu kepentingan bersama," kata kenyataan itu.

Sejak menjadi perdana menteri, Koizumi telah bertemu Dr Mahathir sebanyak tiga kali. Kali pertama di Tokyo pada Jun, diikuti pertemuan kedua di Shanghai pada Oktober dan pertemuan ketiga pada Sidang Kemuncak Asean + 3 di Brunei bulan lepas.

Koizumi juga akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail semasa lawatan itu.

Koizumi merupakan pemimpin asing pertama yang mengadap Seri Paduka, yang menaiki takhta pada 13 Dis lepas.

-- BERNAMA

SR NZ LAT